

Uchapan Y.B. Inche Hussein Onn,  
Menteri Pelajaran, di-dalam Persidangan  
Tahunan Jema'ah Nadzir Sekolah2 di-  
Perpustakaan J.N.S. pada 17hb Julai, 1972

*Jam 9.00 pagi.*

Ketua Nadzir Sekolah2,

Timbalan Ketua Nadzir Sekolah2,

dan Nadzir2.

Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kaseh kepada Ketua Nadzir Sekolah2 di-atas jemputannya kepada saya supaya hadir di-Jema'ah Nadzir Sekolah pada hari ini untok memberi sapatah-dua kata di-dalam Persidangan Tahunan Nadzir2 Sekolah 1972.

Saya memang berasa besar hati dan gembira kerana diberi kesempatan ini oleh kerana ini-lah julong2 kali saya mendapat peluang bertemu wajah dengan kasemua Nadzir serta juga berchakap sechara terus menerus kepada mereka.

2. Sungguh pun pada masa yang lampau saya tiada dapat bertemu dengan Nadzir2 beramai2, saya memang tahu dan sedar berkenaan tugas2 Nadzir yang di-jalankan hari2. Sebagai Menteri Pelajaran dan juga sebagai Ketua kepada semua bahagian di-dalam Kementerian Pelajaran saya tahu apa-kah tugas2 yang di-jalankan oleh tiap2 Bahagian Kementerian Pelajaran.

3. Saya di-fahamkan bahawa Persidangan seperti ini di-adakan tiap2 tahun oleh Jema'ah Nadzir Sekolah2 dan di-dalam persidangan2 seperti ini pensharah2 yang terdiri daripada pakar2 dalam pendidekan dari lain2 bahagian Kementerian Pelajaran dan juga pakar2 pendidekan dari Universiti2 di-jemput memberi sharahan2, khasnya di-atas tajok2 yang bersangkutan dengan perkembangan pendidekan. Ini ia-lah satu langkah yang baik oleh kerana selain daripada mengujudkan kerjasama dan kerja rapat di-antara Jema'ah Nadzir Sekolah2 dengan lain2 pihak, langkah ini akan membolehkan juga Nadzir2 mengetahui berkenaan perkembangan pendidekan yang baru, serta juga memperluaskan pengetahuan sebagai satu modal di-dalam tugas2 Nadzir hari2. Selain dari ini saya tahu juga bahawa persidangan seperti ini menjadi satu kesempatan untuk Nadzir2 berbincang berkenaan keadaan di-sekolah2 dan masaalah yang terdapat pada masa lawatan ka-sekolah2. Pendek kata kedua2 ini akan

memperkayakan lagi pengetahuan dan pengalaman Nadzir2.

4. Pada hari ini saya ingin menyentoh tentang taraf pelajaran di-negeri ini dan juga ranchangan Kementerian Pelajaran untok meninggikan-nya. Perkara ini sangat dekat dengan Nadzir2 dan tugas2 mereka, oleh kerana tugas utama Nadzir2 ia-lah membantu guru2 supaya taraf pelajaran dapat di-tinggikan lagi. Masaalah ini mesti-lah di-tinjau dari segala segi ia-itu segi murid2, bidang pelajaran, organisasi sekolah, guru2 dan penyertaan masharakat dalam hal persekolahan.

5. Sebagaimana yang tuan2 dan puan2 sedari, Kementerian Pelajaran sedang melancharkan satu kajian sechara besar2an terhadap masaalah kechichiran murid2 di-sekolah2 rendah dan sekolah menengah, untok mengetahui apa-kah sabenar-nya sebab2 kechichiran murid2. Ada-kah sebab2 ini datang-nya dari sekolah, dari murid2 sendiri, dari ibu-bapa, dari keadaan ekonomi masharakat atau dari sebab2 yang lain ? Sebab2 ini akan di-tentukan salepas hasil2 kajian2 di-umumkan dan saya memberi jaminan di-sini bahawa saya akan menchoba sedaya-upaya saya supaya sebab2 kechichiran ini di-hapuskan. Dalam menjalankan ikhtiar menghapuskan kechichiran ini saya perchaya semua bahagian Kementerian Pelajaran, khas-nya Jema'ah Nadzir Sekolah yang selalu membuat lawatan ka-sekolah2 dan menumpukan tenaga terhadap perkara2 ikhtisas, akan dapat memberi bantuan yang konkrit.

6.           Sambil kita berusaha menyelesaikan masalah kechichiran murid2, kita mesti juga menyelesaikan masalah kanak2 lembam, kanak2 mundur dan kelemahan pelajaran di-kalangan murid2, khas-nya di-sekolah2 luar bandar. Sungguh pun masalah ini tidak-lah begitu besar namun demikian ia-nya maseh merupakan satu masalah pelajaran yang penting. Pada masa sekarang sampai-lah masa-nya bagi kita memikir dan menilaikan sama-ada pelajaran yang di-berikan di-satu2 perengkat pada masa yang tertentu sesuai untok murid2 dan di-chapai oleh mereka. Apabila kita bandingkan penchapaian murid2 di-sa-suatu darjah dengan penchapaian yang kita harapkan mungkin timbul pula masalah menyelaraskan kursus2 pengajian untok memenohi pelbagai keperluan, kebolehan dan minat murid2.

7. Kementerian Pelajaran telah pun mengadakan beberapa projek curricular untuk menjadikan kursus2 pengajian sekolah lebih berkaitan dengan kedudukan, keperluan dan keupayaan murid2. Projek2 memperbaiki bidang pelajaran Sains, Ilmu Hisab, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah di-jalankan dan bidang2 pelajaran, mata2 pelajaran lain pun sedang di-kaji. Kita berharap bahawa projek2 bidang pelajaran ini akan menjadi satu langkah permulaan untuk meningkatkan taraf pencapaian murid2. Saya sedar bahawa masalah meningkatkan mutu pelajaran besar dan selain dari langkah2 yang telah di-sebutkan ada lagi langkah2 lain yang berkaitan. Sungguh pun begitu kita mestilah menyelesaikan masalah pembaikan mutu ini mengikut satu cara yang bersistem dengan menimbangkan puncha2 kewangan dan setakat mana kita boleh bergerak.

8. Sekarang ini saya suka meninjau lebeh dekat lagi tentang penyusunan sekolah2 kita. Dari segi pentadbiran dan susunan sekolah kita hendak-lah menchari jalan untok membantu guru2 besar sekolah supaya lebeh chekap menjalankan pentadbiran dan susunan2 sekolah mereka. Kita mesti menolong guru2 besar di-sekolah2 untok menguruskan sekolah2 mereka supaya sesuai dengan kehendak murid. Kita tahu tugas dan tanggung-jawab guru2 besar berat, oleh kerana tugas ini terdiri dari perkara2 pentadbiran dan juga professional. Tugas2 ini sangat kompleks dan apabila di-masok pula peranan sebagai pemimpin kapada guru dan murid2 dan juga sebagai penasihat kapada ibu-bapa dan murid, tugas ini menjadi tersangat konplex. Harapan kita ia-lah supaya tiap2 orang guru besar menjadi sa-orang pentadbir yang chekap dan juga sebagai sa-orang professional yang berkebolehan tinggi.


9. Sa-tahu saya Nadzir2 ia-lah pegawai2 yang terlebih rapat dengan sekolah2 pada segi professional. Oleh itu saya pinta semua Nadzir pada masa lawatan ka-sekolah meninjau keadaan sekolah2 dengan lebeh teliti bukan sahaja pada segi professional, bahkan pada segi pentadbiran juga. Dengan peninjauan yang lebeh rapat dan teliti ini boleh-lah Nadzir2 memberi nasihat2 dan menolong guru2 besar dan guru2 di-dalam semua segi. Saya harap Nadzir2 mensifatkan lawatan2 ka-sekolah sebagai satu chabaran (challenge), untuk mengatasi masalaah2, bukan sahaja di-kalangan guru besar, guru2, bahkan di-kalangan murid2 juga.

...10/-

10. Kita semua tahu sekolah2 kita boleh di-  
anggapkan sebagai yayasan2 sosial. Jikalau begitu,  
nyata-lah bahawa sekolah berkehendakan kerjasama  
dan perhubungan yang rapat dengan masharakat. Apa  
yang di-ajar di-sekolah mesti-lah sa-laras dengan  
keperluan masharakat tempatan. Oleh kerana murid2  
di-sekolah sekarang dan murid2 yang akan masok ka-  
sekolah pada masa hadapan akan menghadapi dunia yang  
pesat berubah terutama sekali dalam bidang sains dan  
teknoloji, maka sekolah2 mesti-lah memenohi kehendak2  
masharakat. Sekolah ujud bukan hanya untok menanamkan  
ka-dalam jiwa kanak2 muda warisan atau haritage  
masharakat malahan juga untok membangunkan mereka  
sebagai ejen2 perubahan supaya masharakat dapat mem-  
bangun dan maju sejajar dengan masa. Sa-sabuah sekolah  
tidak-lah harus tinggal berasingan daripada masharakat,  
bahkan mesti mengadakan chara2 perhubungan rapat  
dengan masharakat. Persatuan2 Ibu-bapa dan guru, dan

juga perkhidmatan masharakat yang di-ranchang dan di-laksanakan oleh guru2 dan murid2, ia-lah perkara2 di-antara lain2 yang boleh merapatkan sekolah dengan masharakat. Selain daripada perhubungan di-antara guru2, murid2 dan masharakat sangat-lah baik sekira-nya pegawai2 saya di-Kementerian Pelajaran, baik di-negeri2 atau pun di-bahagian2 di-Kementerian seperti di-Jema'ah Nadzir Sekolah ini dapat menchari jalan berhubung rapat dengan sekolah2 dan saterus-nya dengan masharakat, supaya masharakat 'am-nya akan sedar betapa penting-nya perhubungan yang erat di-ujudkan untok kepentingan murid2 khas-nya dan negara 'am-nya oleh kerana pendidekan ia-lah tanggung-jawab semua penduduk2 dan bukan terhad kepada Kementerian Pelajaran sahaja.

Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan terima kaseh kepada tuan2 dan puan2 kerana menjemput saya ka-mari pada hari ini dan juga memberi peluang kepada saya memberi sa-patah dua kata. Saya harap perundingan2 yang akan di-adakan selama 3 hari di-sini akan memberi penghasilan yang berkesan kepada semua. Dengan seruan bahawa mari-lah kita semua bersama bertugas untuk kepentingan pendidekan dan masa hadapan negara kita, saya sudahi dengan ucapan terima kaseh.



Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan  
 terima kasih kepada tuan dan puan kerana menjajut  
 saya ke-hari pada hari ini dan juga memberi peluang  
 kepada saya untuk ber-patut dan kata. Saya harap  
 perundingan yang akan di-adakan dalam 3 hari di-  
 sini akan memberi penyelesaian yang berkesan kepada  
 semua. Dengan semua bimbingan dan-jika kita semua  
 bersama bersama untuk kepentingan pendidikan dan masa  
 hadapan negara kita, saya yakin dengan usaha  
 bersama.



No. Siri	118
No Penerimaan	118/80